

# OPR, kesannya kepada pengguna

**Kuala Lumpur:** Kadar Dasar Semalam (OPR) kembali menjadi sebutan dan perbincangan dalam kalangan masyarakat negara ini apabila Bank Negara Malaysia (BNM) secara berturut-turut mula menaikkan semula kadar berkenaan, baru-baru ini.

Ramai berasa keliru kerana OPR dinaikkan ketika rakyat berdepan kenaikan harga barang keperluan seperti minyak masak botol, ayam mentah dan telur.

Ini kerana kenaikan OPR dianggap akan membebankan lagi poket pengguna yang sudah sedia menipis akibat kenaikan harga barang memandangkan komitmen ansuran bulanan juga akan meningkat selari kenaikan OPR.

Kenanga Investment Bank Bhd berkata, BNM dijangka menaikkan kadar dasar semalam (OPR) sekurang-kurangnya 25 mata asas (bps) menjelang akhir tahun ini, berikutan kenaikan kadar faedah yang agresif oleh Rizab Persekutuan (Fed) Amerika Syarikat (AS).

Pada 6 Julai 2022, OPR ditingkatkan kepada 2.25 peratus.

OPR ialah kadar faedah yang ditetapkan bank pusat, BNM yang menentukan kadar faedah untuk institusi kewangan yang meminjamkan wang antara satu sama lain untuk tempoh satu malam.

Perubahan pada OPR akan mempengaruhi kadar faedah yang ditarik untuk pinjaman dan simpanan.

Namun begitu, perlu difahami bahawa OPR memainkan peranan penting dalam menstabilkan kedudukan kewangan negara secara menyeluruh memandangkan perbelanjaan pengguna adalah

komponen penting yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Oleh kerana itu jugalah, ketika ekonomi negara teruk terjejas akibat pandemik COVID-19, kadar OPR diturunkan untuk memberi lebih tunai kepada pengguna kerana penurunan OPR mengurangkan jumlah ansuran bulanan pinjaman.

Malahan pada 7 Julai 2020, OPR dikurangkan ke paras terendah dalam sejarah iaitu 1.75 peratus.

Apabila pengguna mempunyai lebihan tunai, mereka akan mula berbelanja dan ini seterusnya menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara.

Kadar OPR akan sentiasa turun atau naik mengikut keperluan bagi menstabilkan pertumbuhan ekonomi negara, dan perubahan ini juga akan menyebabkan kadar faedah yang dikenakan terhadap pinjaman atau simpanan pengguna berubah-ubah.

## Risiko perlu difahami

Justeru, ia adalah antara risiko yang perlu ditangani dan difahami pengguna apabila membuat keputusan untuk meminjam atau melabur.

Apabila OPR meningkat, pulangan yang diterima daripada simpanan dalam bank juga akan meningkat, oleh itu ia sepertutnya mempengaruhi pengguna untuk menyimpan dan mengurangkan perbelanjaan.

Apabila perbelanjaan berkurang, maka permintaan untuk barang juga berkurang, dan ia seterusnya diharap akan mengurangkan harga barang serta kadar inflasi semasa.

Kesannya, mungkin tidak dirasai untuk jangka masa pendek, namun dalam jangka masa panjang, ia akan mewujudkan kestabilan dalam pemintaan dan penawaran produk.

Ia seterusnya diharapkan akan mengawal kenaikan harga barang yang kian ketara bukan sahaja disebabkan masalah dalam negara, tetapi juga disebabkan faktor luaran seperti perang Russia dan Ukraine.

Dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu dan agak sukar pada masa ini, pengguna dinasihatkan supaya berbelanja dengan lebih berhemah dan mula mendidik diri untuk menyimpan dan melabur.

Malahan ketika inflasi dijangka terus menggugat keupayaan pengguna untuk berbelanja, adalah lebih baik untuk mula melabur untuk membina tabungan demi melindungi nilai wang ditangan.

Pilihlah pelaburan berisiko rendah dan mampu memberi dividen yang melebihi inflasi untuk memastikan kuasa beli tidak mengecil.

Wang yang disimpan dan dilaburkan hari ini, mungkin akan menyelamatkan anda pada masa depan.



# KUIZ PELABURAN PNB

#Olympiad30

#CapaiKemerdekaanKewangan

H	R	X	Z	F	B	C	K	R	H	E	B	P
L	I	W	B	R	C	M	A	B	W	P	E	U
I	S	T	U	I	H	I	E	T	C	N	G	U
N	A	S	V	S	G	J	N	I	G	L	Y	K
F	L	R	Q	I	C	K	H	K	U	C	S	A
G	F	I	P	K	F	L	O	O	U	I	P	E
H	N	S	O	O	P	M	G	I	C	M	N	N
I	I	R	N	Q	P	H	Y	X	N	E	Q	H
J	Z	T	M	A	B	H	S	O	D	P	A	L
K	Z	A	U	L	Z	V	P	I	R	S	T	I
L	Y	N	H	G	S	A	V	A	J	P	F	N
M	A	I	G	Y	B	I	B	H	S	A	E	A
N	A	I	F	S	D	A	C	S	B	K	S	H
A	S	B	K	S	E	M	B	A	J	E	T	S
A	C	D	K	I	W	X	E	V	S	Z	R	Y

## KAEDAH PENYERTAAN

Peserta perlu menjawab soalan dalam 2 bahagian:

### BAHAGIAN 1

#### Cari 5 perkataan tersembunyi.

Klu: Semua perkataan mempunyai kaitan dengan perancangan kewangan dan pelaburan dan dinyatakan dalam artikel yang dilampirkan.

### BAHAGIAN 2 - Olympiad30

Jawab semua 30 soalan yang diberikan.

Panduan jawapan boleh dicari dalam artikel yang diterbitkan bersama promosi Kuiz Pelaburan PNB ini, Facebook & YouTube Sembang-sembang ASNB dan laman web rasmi ASNB di [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my).

Pautan borang penyertaan boleh diakses di [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my) atau imbas QR code berikut:



[www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my)



SEMBAng  
SEMBANG  
ASNB

## 2022

### Kategori Umum

Tarikh tutup penyertaan:  
**31 Ogos 2022**



**KEDUA 5X RM1,000**  
**KETIGA 7X RM500**  
**KEEMPAT 10X RM300**  
**KELIMA 25X RM200**

Saguhati: 75x RM100

## TERMA & SYARAT UMUM PENYERTAAN

- i. Kuiz Pelaburan PNB Kategori Umum terbuka kepada warganegara Malaysia yang berusia **18 tahun ke atas**.
- ii. Borang Penyertaan untuk Kuiz Pelaburan PNB Kategori Umum boleh diakses di [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my). Peserta perlu **menjawab secara dalam talian (on-line)**.
- iii. Peserta perlu menjawab soalan yang disediakan di:
  - Bahagian 1:** Cari lima perkataan tersembunyi dan
  - Bahagian 2:** 30 soalan
- iv. Tiada had penyertaan, bagaimanapun seorang peserta hanya layak memenangi satu hadiah sahaja. Borang penyertaan yang diterima selepas tarikh tutup akan ditolak.
- v. Pemilihan pemenang adalah berdasarkan jawapan yang betul dan akan dibuat menggunakan sistem pemilihan yang telah ditetapkan pengatur. Keputusan pemenang adalah mutlamad.
- vi. Terma dan syarat lengkap Kuiz Pelaburan PNB boleh dilayari di [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my)